

04 APR 2000

Bollywood-Malaysia/I

MALAYSIA AKAN MENJADI LOKASI BAGI FILEM BOLLYWOOD

PUTRAJAYA, 4 April (Bernama) -- Orang ramai mungkin akan bertembung dengan bintang filem Bollywood, termasuk Shah Rukh Khan dan Juhi Chawla, dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

Sebabnya? pembuat-pembuat filem Bollywood akan datang ke Malaysia untuk menjalankan penggambaran sebahagian daripada filem mereka.

Shogun Films, misalnya, dijangka akan membuat penggambaran pertama di Malaysia bulan depan bagi filemnya, "Paagalpan" (Kegilaan).

Lima lagi pengeluar filem dijangka akan datang secara bergilir-gilir pada bulan-bulan berikutnya.

Syarikat filem Shah Rukh Khan, Dreamz Unlimited, juga telah menyatakan hasrat untuk membuat penggambaran filem barunya di Malaysia, filem keduanya selepas "Phir Bhi Dil Hai Hindustani".

Hari ini enam pengeluar filem Bollywood yang diiringi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Mereka ialah Deepak Bahry dari Bahry Films, Rakesh Nath dari Dashaka Ads Entertainment, Kuku Kohli dari AK International Motion, Priti Sapru dari Sai Sapru Creation, Olivia Augustine dari Shogun Films dan Vimal Kumar dari Shimram Chitya Motion Pictures.

Pada sidang media kemudiannya, Olivia berkata syarikatnya akan menonjolkan keindahan alam semulajadi Malaysia dan seni bina Malaysia, tradisional dan moden, dalam pembikinan "Paagalpan".

Priti berkata lokasi filem yang indah di Malaysia berserta dengan jaminan kerajaan untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pengeluar filem, akan membuatkan lebih banyak pengeluar filem datang ke negara ini.

"Switzerland merupakan contoh baik yang telah memberikan semua bantuan yang diperlukan bagi pembuat filem dan ini merupakan satu daripada sebab kenapa penggambaran lebih seratus filem Bollywood dibuat di sana," katanya.

Abdul Kadir berkata kementeriannya akan bertindak sebagai agensi setempat bagi memudahkan pengusaha filem luar negara membuat penggambaran di negara ini.

"Penggambaran filem di Malaysia oleh pembuat filem antarabangsa, terutama dari Bollywood, akan membantu mempromosikan budaya dan pelancongan negara ini kerana filem-filem mereka ditonton oleh lebih 300 juta orang di seluruh dunia," he said.

Menteri itu berkata industri filem tempatan juga akan mendapat manfaat kerana pengeluar filem asing akan memerlukan kemudahan perfileman serta khidmat artis tempatan.

Kuku dari AK International Motion, menjangkakan syarikatnya akan berada di Malaysia pada Mei atau Jun untuk penggambaran filemnya dan antara lain akan menggunakan penari tempatan dan juga kemudahan makmal tempatan.

Raj Bhatt dari Pro-Imej Productions Sdn Bhd, sebuah syarikat tempatan yang berurusan dengan syarikat filem Shah Rukh Khan, berkata bintang terkenal itu telah menyatakan bahawa 50 peratus penggambaran filem keduanya itu akan dibuat di Malaysia, yang dibintangi beliau dan Juhi Chawla.

"Jika semuanya berjalan lancar, mereka mungkin memulakan penggambaran pada Julai," katanya.

Selain daripada pembuat filem Bollywood, Abdul Kadir turut mempelawa pengeluar filem dari Hong Kong, Taiwan, Jepun dan Eropah.

-- BERNAMA

AFY RHM